

04 JUN 1997

Sabbaruddin-Umno

JAWATANKUASA DISIPLIN UMNO BINCANG AKAUN WANITA

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini membincangkan isu akaun Pergerakan Wanita yang telah menimbulkan kontroversi.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik sekadar mengesahkan perkara itu tetapi enggan memberi butiran lanjut.

"Ada bincang. Tapi tunggulah sehingga mesyuarat Majlis Tertinggi esok," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat itu yang berlangsung selama satu jam setengah di Kementerian Kewangan di sini.

Sabbaruddin enggan berkata sama ada jawatankuasa itu membuat sebarang keputusan yang akan dirujuk kepada MT.

Selepas mempengerusikan mesyuarat MT bulan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi telah mengenal pasti pemimpin pergerakan Wanita Umno yang terbabit dalam kes penyelewengan akaun pergerakan itu dan mengarahkan dibayar balik wang RM1.8 juta yang hilang itu.

Dr Mahathir enggan mendedahkan identiti pemimpin itu kerana perkara itu membabitkan urusan dalaman parti tetapi mengesahkan bekas ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz dan ketua sekarang, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman tidak terbabit.

Di Kota Bharu hari ini, Siti Zaharah berkata pergerakan itu masih menunggu pemulangan wang itu.

Beliau berkata pergerakan itu telah dimaklumkan oleh MT bahawa siasatan telahpun selesai dan wang yang hilang itu akan dikembalikan.

"Kini kami sedang tunggu pihak pengurusan menyelaraskan kepulangan wang berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Bersalin Pilihan di Klinik Kesihatan Wakaf Baru di sini. -- BERNAMA

ZAB MS MAI